



**KOMPONEN SASTERA: SATU KAJIAN KES KEFAHAMAN
MEMBACA PROSA TRADISIONAL DI KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN SATU DI DAERAH
RAUB, PAHANG.**

ABDUL MAJID BIN MIN



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
KESUSASTERAAN MELAYU**


**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2004



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya



ABDUL MAJID BIN MIN
2002-00285

10.07.2004

DEDIKASI

Buat,


Ayah dan Ibu,
Yang sentiasa mendoakan dan berharap akan kejayaan anaknya.

Teristimewa isteri,
Maimunah binti Din,
Yang paling disayangi, kerana tidak pernah jemu memberi semangat, yang rela berkorban masa, tenaga dan wang ringgit demi kejayaan suaminya. Jasa dan pengorbananmu tidak mampuku balas.

Anak-anak,
Nur Adibah, Muhammad Syakir, Siti Hanisah dan Nurul Diyana,
Yang turut gembira dan bahagia dengan kejayaan abahnya yang mula mengerti betapa pentingnya ilmu pendidikan.

Dan semua keluarga dan rakan-rakan,
Yang turut sama-sama berjuang untuk mencari kecemerlangan kehidupan di dunia dan di akhirat

Yang Benar,



Abadul Majid bin Min
(200200185)
Ijazah Sarjana Pendidikan Kesusasteraan Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim,
Negeri Perak Darul Ridzuan.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapatlah saya menyempurnakan kajian ini. Sesungguhnya kajian ini tidak akan dapat disiapkan tanpa bantuan daripada semua pihak. Oleh itu, saya amat terhutang budi kepada semua pihak yang turut terlibat bagi menyiapkan kajian ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini, terutama sekali pensyarah penyelia kajian, iaitu Prof. Dr. Abdul Wahab Ali dan Tuan Haji A. Rahman Ab. Rashid yang banyak memberi bantuan dan tunjuk ajar dari awal sehingga kajian ini disiapkan. Tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan ini akan kekal menjadi ingatan. Semoga Allah S.W.T. akan membalas jasa yang tuan curahkan.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Fakulti Bahasa UPSI, Jabatan Kesusasteraan Melayu UPSI, Pusat Pengajian Siswazah UPSI, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Yayasan Pahang, Pejabat Pendidikan Daerah Raub, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Kudin, Pengetua Sekolah Menengah Dato' Shahbandar Hussein, Pengetua Sekolah Menengah Dong, Pengetua Sekolah Menengah Chung Ching, dan Pengetua Sekolah Menengah (LKTP) Tersang dan Encik Azaha Ibrahim yang turut memberi kerjasama sepenuhnya untuk menjayakan kajian ini. Kepada guru-guru dan pelajar-pelajar yang terlibat saya tetap tidak dapat melupakan kerjasama dan pertolongan anda yang telah memudahkan saya menjalankan kajian ini.

Saya juga merakamkan resa terhutang budi dan berterima kasih kepada semua pensyarah Fakulti Bahasa, Pusat Pengajian Siswazah dan rakan-rakan yang turut memberi sumbangan dan buah fikiran. Jasa dan sumbangan kalian tetap menjadi kenangan abadi.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

KOMPONEN SASTERA : SATU KAJIAN KES KEFAHAMAN MEMBACA
PROSA TRADISIONAL DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN SATU
DI DAERAH RAUB, PAHANG.

Kajian ini merupakan satu kajian yang menggunakan kaedah kajian kes terhadap kefahaman membaca prosa tradisional pelajar tingkatan satu di daerah Raub, Pahang. Sebanyak 200 orang pelajar digunakan sebagai sampel kajian yang berbeza dari segi jantina, bangsa, tempat tinggal, kemudahan membaca, pencapaian Bahasa Melayu dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan pendapatan ibu bapa. Kajian dijalankan untuk melihat kefahaman membaca prosa tradisional pelajar. Dua alat digunakan untuk melihat kefahaman membaca, iaitu borang soal selidik dan empat teks bacaan bahan prosa tradisional telah disediakan, iaitu cerita *Lebai Malang*, *Tujuh Puteri Turun ke Dunia*, *Susur Galur Asal Usul Negeri Melaka* dan *Kisah Keberanian Lima Bersaudara* yang dipetik daripada buku antologi *Sehijau Warna Daun* teks Komponen Wajib Sastera tingkatan satu. Setiap teks disertakan sepuluh soalan pemahaman yang merangkumi cerita / idea / isi, gaya bahasa dan teknik. Soalan disusun mengikut peringkat Taksonomi Santoz (1976). Pelajar dikehendaki menjawab soalan objektif aneka pilihan yang disediakan. Data-data diproses menggunakan perisian analisis '*Statistical Packages for the Social Sciences*' version 11.0. Berdasarkan hubungan pembolehubah dengan kefahaman membaca prosa tradisional, didapati faktor jantina, tempat tinggal dan kemudahan membaca tidak menunjukkan sebarang perbezaan kefahaman membaca prosa tradisional. Namun begitu, bagi pembolehubah bangsa, pencapaian UPSR dan pendapatan ibu bapa menunjukkan perbezaan kefahaman membaca. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan kefahaman membaca prosa tradisional pelajar berbeza-beza. Pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini menghasilkan dapatan kajian yang pelbagai.

ABSTRACT

THE LITERATURE COMPONENT: A CASE STUDY OF TRADITIONAL
PROSE COMPREHENSION AMONG FORM ONE STUDENTS
IN RAUB DISTRICT, PAHANG.

This research is a case study of traditional prose comprehension among Form One students in Raub, Pahang. As a sample to this case study, 200 Form One students have been chosen. These students differ in sex, race, locality, reading facilities, Bahasa Melayu results in Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) and family income. The study is conducted to ascertain students' degree of comprehension when reading traditional prose. There are two instruments used to conduct the case study, which are a questionnaire and four traditional prose texts. The four texts are *Lebai Malang*, *Tujuh Puteri Turun Ke Dunia*, *Susur Galur Asal Usul Negeri Melaka* and *Kisah Keberanian Lima Bersaudara*. These texts are taken from the anthology entitled *Sehijau Warna Daun*, a compulsory Literature Component for Form One Students. Each text is accompanied by ten comprehension questions that cover the plot, ideas, topics, language styles and the techniques employed in each story. The questions are arranged according to Santoz's Taxonomy (1976). Students are required to answer the multiple-choice questions that follow each story. Data obtained from the study will be processed using 'Statistical Packages for Social Sciences' Version 11.0 an analysis software. Based on the relationships between the variables and students' comprehension when reading traditional prose, it has been concluded that sex, locality and reading facilities have little or no difference on students' comprehension. However, for the race, Bahasa Melayu results in UPSR and family income variables, there are significant difference in students' comprehension. Therefore, it is concluded that traditional prose comprehension for students vary from one student to another, and also that the variables identified in this study produces results that are difference and varying.

KANDUNGAN**Halaman**

JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK DALAM BAHASA MELAYU	v
ABSTRAK DALAM BAHASA INGGERIS	vi
KANDUNGAN	vii-xi
SENARAI JADUAL	xii-xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB 1 : PENGENALAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	8
1.3	Ciri-Ciri Bahan Sastra Prosa Tradisional	10
1.4	Perbezaan Kesusasteran Prosa Klasik dan Modern	11
1.5	Skop Kajian	14
1.6	Tujuan Kajian	15
1.7	Persoalan Kajian	16
1.8	Hipotesis Kajian	18
1.9	Kepentingan Kajian	19
1.9.1	Sekolah	19
1.9.2	Guru	20

1.9.3	Pelajar	20
1.10	Batasan Kajian	20
1.10.1	Pengecaman dan Peringatan Butiran	21
1.10.2	Terjemahan	21
1.10.3	Aplikasi	21
1.10.4	Analisis	22
1.10.5	Sintesis	22
1.10.6	Penilaian	22
1.11	Definisi Operasional	24
1.11.1	Kefahaman	24
1.11.2	Membaca	25
1.11.3	Kefahaman Membaca Khusus	26
1.11.4	Kefahaman Membaca Karya Sastera Klasik	27
1.11.5	Pengelasan Tahap Kefahaman Membaca	28
1.12	Kesimpulan	29
1.12.1	Peringkat Kefahaman Rendah	29
1.12.2	Peringkat Kefahaman Sederhana	30
1.12.3	Peringkat Kefahaman Tinggi	30

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN YANG BERKAITAN

2.1	Pengenalan	31
2.2	Kajian-Kajian Berkaitan Kefahaman Membaca	33
2.3	Tinjauan Mengenai Kaitan Pembolehubah Dengan Kefahaman Membaca	38
2.3.1	Jantina	38
2.3.2	Kaum	39
2.3.3	Persekitaran Tempat Tinggal dan Sosiobudaya	40
2.3.4	Tahap Kefahaman Membaca	41
2.4	Kesimpulan	42

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.3	Populasi dan Sample Kajian	45
3.4	Tempat Kajian	51
3.5	Instrumen Kajian	51
3.5.1	Teks Bacaan dan Soalan-Soalan Pemahaman	51
3.5.2	Soal Selidik	54
3.6	Prosedur Kajian	54
3.7	Kaedah Penganalisisan Data	55
3.7.1	Ujian-t	56
3.7.2	Ujian ANOVA	56
3.8	Kebolehpercayaan dan Kesahan Soal Selidik	57
3.9	Pengujian Hipotesis	58
3.10	Kesimpulan	61

BAB 4 : KEPUTUSAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	63
4.2	Hipotesis Nul 1	64
4.3	Hipotesis Nul 2	65
4.4	Hipotesis Nul 3	66
4.5	Hipotesis Nul 4	67
4.6	Hipotesis Nul 5	68
4.7	Hipotesis Nul 6	69
4.8	Hipotesis Nul 7	70

4.9	Hipotesis Nul 8	71
4.10	Hipotesis Nul 9	73
4.11	Hipotesis Nul 10	74
4.12	Hipotesis Nul 11	75
4.13	Hipotesis Nul 12	76
4.14	Hipotesis Nul 13	77
4.15	Hipotesis Nul 14	78
4.16	Hipotesis Nul 15	79
4.17	Hipotesis Nul 16	80
4.18	Hipotesis Nul 17	81
4.19	Hipotesis Nul 18	83
4.20	Ujian ANOVA Post Hoc Perbandingan Kefahaman Idea Prosa Tradisional Antara Bangsa	84
4.21	Ujian ANOVA Post Hoc Perbandingan Kefahaman Gaya Bahasa Prosa Tradisional Antara Bangsa	85
4.22	Ujian ANOVA Post Hoc Perbandingan Kefahaman Teknik Prosa Tradisional Antara Bangsa	86
4.23	Analisis Tahap Kefahaman Membaca di Kalangan Pelajar Yang Dikaji Secara Keseluruhannya.	87
4.24	Kesimpulan	89

BAB 5 : RUMUSAN PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	93
5.2	Rumusan Kajian Keseluruhan	94
5.2.1	Penguasaan Kefahaman Membaca Idea, Gaya Bahasa dan Teknik Prosa Tradisional Berdasarkan Jantina	94

5.2.2	Kefahaman Membaca Idea, Gaya Bahasa dan Teknik Berdasarkan Tempat Tinggal	96
5.2.3	Kefahaman Membaca Idea, Gaya Bahasa dan Teknik Berdasarkan Keputusan Peperiksaan UPSR	96
5.2.4	Kefahaman Membaca Idea, Gaya Bahasa dan Teknik Prosa Tradisional Berdasarkan Kemudahan Membaca	97
5.2.5	Kefahaman Membaca Idea, Gaya Bahasa dan Teknik Berdasarkan Pendapat Ibu Bapa	98
5.2.6	Kefahaman Membaca Idea, Gaya Bahasa dan Teknik Berdasarkan Bangsa	98
5.3	Perbincangan	99
5.4	Cadangan	102
5.4.1	Cadangan Kepada Kementerian Pelajaran Mlaysia	103
5.4.2	Cadangan Kepada Guru Mengajar Komsas	105
5.4.3	Cadangan Kepada Sekolah, Ibu Bapa dan Pelajar	106
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	107
5.6	Kesimpulan	107

RUJUKAN

LAMPIRAN A : Soal Selidik

LAMPIRAN B : Surat Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia

Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Pahang

Surat Kebenaran Pejabat Pendidikan Daerah Raub

Surat Permohonan Menjalankan Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris

LAMPIRAN C : Analisis Data

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Format Baru Kertas Kefahaman Bahasa Melayu Penilaian Menengah Rendah (PMR)	7
3.1	Pemilihan Kawasan Kajian Peringkat Sekolah	46
3.2	Pemilihan Peringkat Kelas	46
3.3	Pemilihan Pelajar	47
3.4	Responden Pelajar Mengikut Jantina	47
3.5	Responden Pelajar Mengikut Kaum	48
3.6	Bilangan Pelajar Mengikut Tempat Tinggal	49
3.7	Pencapaian Sampel dalam Ujian UPSR	49
3.8	Pendapatan Bulanan Ibu Bapa	50
3.9	Kemudahan Membaca Bahan Bacaan di Rumah	50
3.10	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Item-Item Soal Selidik	58
4.1	Ujian-t Kefahaman Idea Prosa Tradisional Berdasarkan Jantina	65
4.2	Ujian-t Kefahaman Gaya Bahasa Prosa Tradisional Berdasarkan Jantina	66
4.3	Ujian-t Kefahaman Teknik Prosa Tradisional Berdasarkan Jantina	67
4.4	Ujian-t Kefahaman Idea Prosa Tradisional Berdasarkan Tempat Tinggal.	68
4.5	Ujian-t Kefahaman Gaya Bahasa Prosa Tradisional Berdasarkan Tempat Tinggal	69

4.6	Ujian-t Kefahaman Teknik Prosa Tradisional Berdasarkan Tempat Tinggal	70
4.7	Ujian-t Kefahaman Idea Prosa Tradisional Berdasarkan Keputusan Peperiksaan UPSR	71
4.8	Ujian-t Kefahaman Gaya Bahasa Prosa Tradisional Berdasarkan Keputusan Peperiksaan UPSR	72
4.9	Ujian-t Kefahaman Teknik Prosa Tradisional Berdasarkan Keputusan Peperiksaan UPSR	73
4.10	Ujian-t Kefahaman Idea Prosa Tradisional Berdasarkan Kemudahan Membaca di Rumah	74
4.11	Ujian-t Kefahaman Gaya Bahasa Prosa Tradisional Berdasarkan Kemudahan Membaca di Rumah	75
4.12	Ujian-t Kefahaman Teknik Prosa Tradisional Berdasarkan Kemudahan Membaca di Rumah	76
4.13	Ujian-t Kefahaman Idea Prosa Tradisional Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa	77
4.14	Ujian-t Kefahaman Gaya Bahasa Prosa Tradisional Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa	78
4.15	Ujian-t Kefahaman Teknik Prosa Tradisional Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa	80
4.16	Analisis ANOVA Kefahaman Membaca Idea Prosa Tradisional Berdasarkan Bangsa	81
4.17	Analisis ANOVA Kefahaman Membaca Gaya Bahasa Prosa Tradisional Berdasarkan Bangsa	82
4.18	Analisis ANOVA Kefahaman Membaca Teknik Prosa Tradisional Berdasarkan Bangsa	83
4.19	Ujian Post Hoc Perbandingan Kefahaman Idea Prosa Tradisional Antara Bangsa	84
4.20	Ujian Post Hoc Analisis Kefahaman Gaya Bahasa Prosa Tradisional Antara Bangsa	85

4.21	Ujian Post Hoc Analisis Kefahaman Teknik Prosa Tradisional Antara Bangsa	86
4.22	Ujian Post Hoc Analisis Kefahaman Teknik Prosa Tradisional Antara Bangsa	87
4.23	Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Pelajar Secara Keseluruhan	88

SENARAI SINGKATAN

UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
ANOVA	Analysis of Variance
SPSS	Statistical Packages of the Social Science
KOMSAS	Komponen Wajib Sastera Dalam Bahasa Melayu
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SP	Sisihan Piawai
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PMR	Penilaian Menengah Rendah

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kesusasteraan Melayu telah menjadi komponen wajib dalam pengajaran Bahasa Melayu (komsas) di semua sekolah menengah di negara ini. Para pelajar diwajibkan membaca, memahami dan mendalami buku-buku sastera Melayu seperti diamalkan sebelum ini. Pengajaran komsas dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai Mac 2000 dan dinilai di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2002. Dalam hal ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan dua buah teks bagi setiap tingkatan, iaitu sebuah novel dan sebuah antologi. Komponen kesusasteraan Melayu itu meliputi karya sastera yang berbentuk novel, cerpen, sajak, drama, cerita klasik (prosa tradisional), dan puisi lama, iaitu pantun, syair, gurindam, seloka dan bahasa berirama.

Genre sastra yang dimuatkan dalam komponen sastra (komsas) tingkatan satu ialah novel, cerpen, sajak, pantun, puisi dan **prosa tradisional** serta drama. Menurut Othman Puteh (1997:26), Kesusasteraan Melayu sebagai komponen wajib dalam Bahasa Melayu sekolah menengah akan dapat melahirkan pelajar yang berminat membaca, menghayati serta menghasilkan karya kreatif di samping mengetahui perkembangan sastra tanah air. Objektif lain ialah membolehkan para pelajar mengkritik dan menilai karya sastra, meningkatkan kemahiran berbahasa, menikmati keindahan bahasa, meningkatkan kekuatan rohani dan intelek serta mewujudkan perasaan empati.

Komponen sastra (komsas) diperkenalkan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mempertingkatkan minat membaca di kalangan pelajar-pelajar di sekolah menengah agar ini menjadi budaya di kalangan rakyat. Selain daripada itu, pelajar-pelajar dapat mengetahui perkembangan sastra tanah air daripada pelbagai genre, iaitu novel, cerpen, drama, puisi moden, prosa dan puisi tradisional. Di samping itu juga, dapat menanam sikap menghargai dan meminati karya-karya penulis negara ini daripada bahan-bahan sastra yang dibaca. (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2002)

Membaca ialah salah satu daripada kemahiran-kemahiran asas bahasa seperti mendengar dan bertutur. Melalui aktiviti pembacaan seseorang itu mampu menimba ilmu pengetahuan. Membaca dapat membantu individu meluaskan pemikiran dan idea serta meningkatkan daya kreatif dalam pelbagai bidang. Umum mengetahui bahawa masyarakat yang maju dan dapat menguasai pelbagai disiplin ilmu merupakan masyarakat yang menjadikan budaya membaca sebagai amalan. Kenyataan ini diakui

oleh Bamberger (1975) yang menyatakan membaca merupakan satu alat yang paling berkesan lagi sistematik untuk membina bahasa dan sahsiah seseorang.

Namun begitu, terdapat juga pembaca yang menjadikan membaca sebagai memenuhi masa lapang, ingin mengetahui apa yang sedang berlaku, menghiburkan hati dan untuk kepuasan diri. Bagi pembaca yang matang biasanya tertarik dengan fakta baru dan mempunyai naluri ingin tahu yang mendalam. Mereka membaca untuk meluaskan dunia pembacaan dan mendalami lagi pengetahuan yang sedia ada. Bacaan dengan cara demikian menggambarkan pembaca telah menguasai kemahiran membaca dan memahami bahan yang telah dibaca.

Marohaini Yusoff (1999) menegaskan, dalam sesuatu proses membaca terdapat beberapa susun tugas yang perlu dilakukan oleh pembaca. Susun tugas yang dimaksudkan itu ialah:

- (a) Mengecam dan mengenal lambang atau perkataan yang dilihat.
- (b) Mengaitkan lambang atau perkataan itu dengan bunyi atau makna.
- (c) Menterjemahkan makna perkataan itu dengan mengaitkannya dengan apa yang telah sedia ada di kepala.
- (d) Mengumpulkan dan mencantumkan idea, perkataan, dan ayat hingga ,menjadi idea yang lengkap.
- (e) Mencuba menghuraikan atau menjelaskan idea yang didapati kepada diri sendiri, kawan, guru atau ibu bapa.

Membaca dan memahami merupakan kemahiran bahasa yang amat penting dalam pembelajaran. Malahan membaca dan memahami, tidak boleh dipisahkan antara satu dengan lain. Md. Fadzil Haji Hassan, (1984) mengatakan apabila seseorang murid itu

lemah dalam membaca, maka implikasinya dia akan lemah dari segi pemahaman dan penaakulan. Kenyataan ini telah menyokong pendapat Bond dan Tinker (1967) yang menyatakan kelemahan menguasai kemahiran membaca akan meninggalkan kesan yang buruk, termasuk pencapaian yang rendah, kurang berminat belajar dan keyakinan diri yang rendah. Oleh itu, keberkesanan proses pembelajaran khususnya dalam bacaan dapat dilihat apabila aspek kefahaman membaca dikuasai oleh pelajar.

Walau bagaimanapun, kefahaman membaca bukanlah satu aspek yang mudah diajar dengan berkesan. Ini kerana kefahaman merupakan satu proses yang melibatkan pemikiran dan kemahiran bahasa yang luas yang dibina melalui pengalaman bahasa yang berbeza-beza. Kefahaman terhadap bahan bacaan akan melalui peringkat-peringkat tertentu. Daripada peringkat-peringkat kefahaman membaca inilah dapat menentukan sejauh mana tahap penguasaan kefahaman bacaan seseorang.

Salah satu aspek penting dalam kemahiran membaca ialah bahan bacaan itu sendiri. Keupayaan untuk memahami sesuatu bahan yang dibaca juga dipengaruhi oleh keadaan bahan itu. Ini bermakna susah senangnya sesuatu teks yang dibaca oleh pelajar sama ada dari segi tahap bahasa yang digunakan, isi yang disusun dalam teks tersebut, pengetahuan sedia ada pembaca dan minat terhadap bahan boleh menentukan tahap-tahap kefahaman membaca.

Kenyataan ini bertepatan dengan pendapat Safiah Osman,(1990) yang menyatakan, ada banyak perkara menyebabkan seseorang pembaca itu gagal memahami dengan baik bahan yang dibaca. Mereka boleh membaca teks tetapi tidak mampu membuat inferensi kerana pembaca tidak mempunyai pengetahuan sedia ada terhadap bahan yang dibaca. Menurutny lagi, ramai pelajar sekolah menengah mengalami

kesukaran memahami teks yang dibaca. Perkara ini berpunca daripada kegagalan pelajar yang tidak dapat menguasai asas yang kukuh kefahaman dalam bacaan di peringkat sekolah rendah.

Aspek kemahiran membaca telah diterapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam kurikulum pendidikan dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat sekolah menengah. Merujuk kepada keperluan kajian ini iaitu di peringkat menengah, kepentingan penguasaan kemahiran membaca dan memahami ada dinyatakan pada pengenalan bacaan dan pemahaman *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 1* yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (2000) yang menegaskan bahawa dalam kemahiran membaca, pelajar-pelajar harus cekap membaca, memahami dan menaakul bahan dengan kritis dan analitis.

Pusat Perkembangan Kurikulum (2000), dalam kandungan kesusasteraan Melayu sebagai komponen wajib dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menyatakan objektif kemahiran membaca dalam kemahiran sastera berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Satu ialah :

1. Membaca dan mengenal cerpen, novel, drama dan prosa tradisional.
2. Membaca dan mengenal puisi tradisional dan puisi moden.
3. Membaca dan memahami diksi, ungkapan, perbandingan dan penggunaanya dalam bahan prosa.
4. Membaca dan memahami diksi, ungkapan dan penggunaanya dalam bahan puisi.
5. Membaca dan memahami istilah kesusasteraan dalam karya prosa dan puisi.

6. Membaca dan memahami mesej, pengajaran serta nilai-nilai kemanusiaan, kemasyarakatan dan kebudayaan.
7. Membaca, menilai dan mengulas nilai-nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan secara kritis dan analitis.
8. Membaca dan memahami karya dan menentukan maklumat seperti sinopsis, tema, atau pemikiran, persoalan, watak dan perwatakan, plot, mesej, latar, nilai dan pengajaran.
9. Membaca dan menaakul tema atau pemikiran, mesej, pengajaran dan nilai kemanusiaan, kemasyarakatan dan kebudayaan.
10. Membaca, menilai dan mengulas gaya bahasa, unsur bunyi dan nada secara kritis dan analitis
11. Membaca, memahami, menghayati dan mengapresiasi karya sastera.

Berdasarkan huraian di atas, bahan yang menjadi fokus dalam pembacaan di peringkat ini merangkumi aspek yang sangat luas. Pelajar dikehendaki membaca dan memahami pelbagai bahan bacaan termasuklah bahan komponen sastera. Ini menggambarkan objektif pendidikan Bahasa Melayu dalam kemahiran membaca bertujuan melahirkan pelajar yang mampu membaca dan memahami pelbagai jenis bacaan dengan cekap dan kritis serta dapat membuat tafsiran, penilaian dan rumusan yang wajar. Objektif ini bertepatan dengan tujuan pelaksanaan komponen wajib sastera (komsas) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah, iaitu untuk memupuk dan meningkatkan minat membaca di kalangan pelajar serta memperkukuhkan kemahiran semua aspek berbahasa termasuk aspek kesusasteraan (Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Bil.5/2000).

Tingkatan Satu, terdapat 25 bahan sastera yang kesemuanya berkaitan dengan aspek bacaan dan kefahaman. Ini menunjukkan kemahiran memahami teks diberikan perhatian di mana pelajar terpaksa membaca pelbagai bahan sastera. Kelemahan dalam kefahaman membaca boleh mengakibatkan pelajar gagal dalam peperiksaan. Lembaga Peperiksaan Malaysia (1999), menyatakan dalam sistem Persijilan Terbuka Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diperkenalkan mulai tahun 2000, syarat pemberian sijil kepada calon ialah sekurang-kurangnya lulus pangkat 7D atau 8E dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Berdasarkan format baru kertas Bahasa Melayu Penilaian Menengah Rendah 2002 (PMR) Lembaga Peperiksaan Malaysia (2002), pemahaman petikan adalah seperti Jadual 1.1 di bawah ini:

Jadual 1.1

Format Baru Kertas Bahasa Melayu Penilaian Menengah Rendah (PMR)

Petikan	Bil Soalan	Kandungan
Petikan 1 – Umum (Pelbagai Bidang)	6 soalan (1 – 6)	6 soalan pemahaman berdasarkan teks
Petikan 2 – Prosa Moden (Cerpen dan Drama)	6 soalan (7 – 12)	2 soalan pemahaman berdasarkan teks 2 soalan komsas berdasarkan teks 2 soalan komsas berdasarkan bahan(cerita)
Petikan 3 (Prosa Tradisional)	6 soalan (13 – 18)	2 soalan pemahaman berdasarkan teks 2 soalan komsas berdasarkan teks 2 soalan komsas berdasarkan bahan (cerita)
Petikan 4 – Puisi (Moden/Tradisional)	6 soalan (19 – 24)	2 soalan pemahaman berdasarkan teks 4 soalan komsas berdasarkan teks

Catatan : Semua petikan komponen sastera berdasarkan teks yang telah ditetapkan untuk tingkatan 1 hingga tingkatan 3.

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini bermula daripada masalah kelemahan kefahaman membaca bahan komsas prosa tradisional yang berlaku di kalangan pelajar pada masa kini. Ia berpunca daripada ketidakupayaan pelajar menguasai kemahiran membaca dan memahami yang dianggap sebagai salah satu kemahiran asas yang penting dalam proses penguasaan berbahasa. Gejala ini terus berlanjutan hingga ke peringkat yang lebih tinggi sehingga menjejaskan prestasi mereka dalam mata pelajaran yang lain.

Di kalangan pelajar sekolah sama ada rendah atau menengah, masalah tidak menguasai kefahaman membaca sering diperkatakan dan menjadi masalah yang rumit. Terdapat pelbagai pendapat yang telah diutarakan untuk menjelaskan tentang kelemahan pelajar dalam kefahaman membaca. Mohd. Nor Ghani (1982), menyatakan terdapat tiga sebab mengapa pelajar lemah dalam pembacaan. Pertama, kerana pengajaran yang berorientasikan kemahiran dan penekanan yang berlebihan ke atas pengenalan perkataan, penekanan kepada aspek tatabahasa yang terlalu mendalam sehingga sesetengah pelajar terpesong daripada tujuan sebenar pembacaan sebagai satu proses mendapat kefahaman makna. Kedua ialah kurangnya maklumat latar belakang (skema) yang mencukupi untuk membolehkan seseorang pelajar menghadapi persoalan konsep, keadaan atau peristiwa yang terkandung dalam bahan bacaan. Ketiga ialah persembahan bahan pembelajaran yang digunakan oleh guru di bilik darjah yang kurang sesuai dan tidak menarik menyebabkan pelajar tidak berminat dengan bahan bacaan tersebut. Jelasnya, kelemahan dalam menguasai Bahasa Melayu juga akan menjejaskan prestasi pelajar dalam mata pelajaran lain. Kesan daripada tidak menguasai pembacaan dengan baik maka

menyebabkan semua mata pelajaran yang dipelajari tidak dapat dikuasai dengan cemerlang.

Kajian yang dijalankan oleh Siti Hajar Abd. Aziz (1998), mendapati ramai pelajar tidak berupaya membaca dan memahami teks secara berkesan walaupun telah melalui tempoh pembelajaran yang panjang iaitu selama enam tahun di sekolah rendah dan lima tahun di sekolah menengah. Keadaan ini berlaku kerana pelajar gagal menguasai asas yang kukuh dalam pemahaman membaca. Pelajar tidak lancar membaca dan menjadi punca tidak dapat memahami teks yang dibaca. Dapatan kajian Ramlan Abd. Razak (1994) menyatakan, masih terdapat pelajar yang membaca dengan intonasi dan sebutan yang salah. Mereka juga sering melakukan pengulangan dalam bacaan mereka. Ini menyebabkan pelajar tidak memberikan jawapan yang betul terhadap soalan-soalan kefahaman yang diajukan.

Dapatan kajian terdahulu menunjukkan beberapa kelemahan yang dikesan berdasarkan penguasaan kemahiran membaca dan memahami. Maka, sangat perlu satu kajian dijalankan di sekolah untuk melihat semula keadaan sebenar prestasi pelajar, terutama yang berkaitan dengan keupayaan pelajar membaca dan memahami bahan yang dibaca. Hasil kajian ini diharapkan akan dapat memberi gambaran dan penjelasan berhubung kefahaman membaca pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu khasnya teks prosa tradisional dalam komponen sastera (komsas). Seterusnya mengenal pasti faktor-faktor yang berkaitan menyebabkan kelemahan tersebut. Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini akan dapat melahirkan satu pendekatan dan kaedah baru yang lebih tersusun dan sempurna untuk mengatasi masalah ini.

1.3 Ciri-Ciri Bahan Sastra Prosa Tradisional

Kesusasteraan Melayu klasik (tradisional) adalah satu bukti dokumen tentang wujudnya kesusasteraan di wilayah Indonesia dan Malaysia sejak berabad lamanya. Tanpa kesusasteraan Melayu klasik, pengetahuan kita tentang pemikiran dan kehidupan generasi dahulu amat terbatas. Kesusasteraan Melayu klasik ini juga menjadi ukuran dan menilai cara pemikiran masyarakat Melayu lama. Ini kerana pemikiran dipengaruhi oleh pendidikan dan lingkungan hidup.

Pada umumnya kesusasteraan klasik yang ditulis dalam bahasa Melayu dimulai oleh ulama-ulama Islam atau oleh penulis-penulis sesudah Islam masuk ke tanah air. Pengaruh rasa keagamaan atau rasa ketuhanan nyata pada kalimat-kalimat mereka yang merupakan ciri-ciri khas dalam bahasa mereka. Contohnya *Bismillahir-Rahmanir-Rahim*, (Dengan nama Allah, Yang maha Pengasih, dan Maha Pemurah), *Wabihi nasta'inubillahita'ala* (kami mohon pertolongan Allah yang Maha Tinggi) dan *Wallahualam bissawab* (Allah yang lebih tahu dengan sebenarnya). Kemudian pengarang memulakan kata-kata pendahuluan yang kita sebut bunga kalimat *al-kisah*, *hatta*, *sekali peristiwa*, *maka*, tersebutlah perkataan dan lain-lain lagi. Dalam masyarakat lama, cerita atau hikayat disampaikan oleh seorang pawang, jadi berfungsi sebagai *cerita yang diperdengarkan*. Pendengar duduk berkeliling atau duduk bersama-sama menghadapi pawang. Sebagai cerita yang diperdengarkan, harus ada tanda bahawa cerita itu akan dimulai, agar pendengar bersiap sedia. Apabila pawang telah mengatakan *hatta*, *sekali peristiwa* dan sebagainya maka pendengar mula memberi tumpuan dan senyap. Namun begitu sekarang, hal ini tidak diperlukan lagi sebab cerita atau hikayat bukanlah

cerita yang diperdengarkan tetapi dibaca sendiri, sebab itu dalam masyarakat moden sekarang bunga-bunga kalimat itu ditinggalkan. (Ghazali Dunia: 1992).

Dalam melukiskan keindahan (estetika), pengarang lama mempunyai gaya tersendiri. Mereka membuat atau mencari istilah atau perbandingan yang dapat dirasakan oleh masyarakatnya waktu itu. Contoh perbandingan untuk menggambarkan kecantikan ialah *mukanya bundar bagai bulan penuh, matanya bagai bintang timur dan jarinya bagai duri landak*. Contoh perbandingan ini disebut sebagai *simile* dalam istilah sastra moden.

Cerita-ceritanya pula berkisar di sekeliling istana. Mengisahkan raja, permaisuri, puteri-puteri yang cantik, pahlawan yang kebal dan sakti. Dalam cerita-cerita dongeng, kita dibawa ke alam lain, alam kayangan, alam dewa-dewa, dengan makhluk-makhluk aneh dengan kekuasaannya yang aneh-aneh pula. Pemuda atau anak raja yang pergi mengembara untuk menuntut bela menghadapi pelbagai dugaan tetapi dapat diatasi dan akhirnya menang dan berakhir dengan '*happy –ending*'.

1.4 Perbezaan Kesusasteraan Prosa Klasik dan Moden

Secara kasarnya, perbezaan yang dapat dikesan ialah pada perkataan '*klasik*' dan '*moden*'. Namun beberapa aspek lain yang harus dilihat ialah genrenya, pemikiran dan tema, ciri-ciri, teknik penulisan dan peranannya dalam masyarakat. Genre dalam kesusasteraan prosa tradisional merangkumi sastra hikayat, sastra epik, sastra kitab, sastra sejarah dan ketatanegaraan. Menurut Zalilah Syarif dan Jamilah Haji Ahmad (1993), sastra hikayat merupakan cerita-cerita dalam bentuk bertulis yang

menggunakan bahasa Melayu lama dengan bahasa dan struktur tertentu, memaparkan cerita yang berunsur hiburan, hasil daripada imaginasi dan fantasi pengarangnya. Sastera epik pula menceritakan tentang kepahlawanan tokoh-tokoh tertentu yang dicampuradukkan dengan unsur-unsur mitos, legenda, cerita rakyat dan sejarah. Sastera kitab pula berkisar tentang ilmu-ilmu agama. Sastera sejarah ialah hasil-hasil penulisan yang mengandungi unsur-unsur sejarah, mengikut konsep dan ukuran masyarakat dan zaman yang menghasilkannya. Ketatanegaraan pula ialah sastera undang-undang yang menjelaskan hak kuasa raja serta pembesar, undang-undang jenayah dan awam serta adat istiadat raja dan pembesar. Genre dalam kesusasteraan prosa moden pula ialah cerpen, novel dan drama.

Dari segi pemikiran dan tema, kesusasteraan prosa tradisional lebih kepada imaginasi dan rekaan pengarang. Ceritanya berlatarkan kayangan dan tidak berpijak di bumi nyata. Kebanyakan ceritanya berpusatkan istana, mengisahkan putera puteri raja, para pembesar dan jurai keturunan raja-raja. Motif ceritanya ialah mengagung-agungkan raja. Oleh itu corak pemikirannya berbentuk feudal, iaitu sekiranya pantang larang yang dikenakan oleh raja ke atas rakyat dilanggar, maka bencana akan menimpa.

Karya-karya kesusasteraan prosa moden pula bersifat realiti yang digubah berdasarkan kepada apa yang berlaku pada zaman penulis menulis. Latar tempat dan masa adalah di bumi yang nyata. Kebanyakan karya sastera moden ini sejak tahun 1940-an berbentuk nasionalisme, propaganda, agama, kemasyarakatan dan sebagainya.. Ceritanya bukanlah khayalan dan imaginasi pengarang, sebaliknya hasil kreatifviti pengarang melalui pengalaman mereka sendiri dan mesej yang hendak disampaikan kepada masyarakat.



Selain itu, kesusasteraan prosa tradisional bersifat kolektif iaitu tidak diketahui

siapakah pengarang sastera tersebut. Ini menjadikan hasil karya sastera itu milik bersama. Sasteranya bersifat kedaerahan iaitu dicipta dan berkembang di suatu tempat tanpa ada pengaruh luar. Namun karya prosa moden tidak begitu. Pada setiap karya yang dihasilkan tercatat nama pengarang dan bersifat komersil. Ini membolehkan pengarang menjadi terkenal dan hidup agak mewah. Tidak bersifat kedaerahan. Bersifat moden dari segi bentuknya yang merangkumi struktur, plot, gaya dan teknik serta bahasa yang menarik.

Dari segi penulisannya pula, bahasa yang digunakan dalam prosa tradisional ialah bahasa Melayu klasik. Struktur ayatnya panjang dan banyak menggunakan ayat pasif. Biasanya dimulakan dengan lafaz '*Bismillah-ir-rahman-ir-ahim*' kemudian diikuti dengan pujian-pujian ke hadrat Allah *subhanahuwata'ala* dan diikuti dengan perkataan '*shahdan*' '*hatta*' '*sahibul hikayat*' '*sebermula*' dan sebagainya. Dalam prosa moden, bahasa yang digunakan ialah bahasa Melayu baku. Kadangkala terdapat juga bahasa Inggeris. Ayat yang digunakan pelbagai, tidak terhad kepada satu jenis ayat sahaja. Misalnya ayat aktif, pasif, dialog yang pendek serta dialog yang panjang. Penggunaan kosa katanya luas dan mempunyai makna konotasi. Begitu juga dari segi perbendaharaan kata dan istilah-istilah yang digunakan. Banyak perbendaharaan kata dan istilah sastera yang baru digunakan dalam hasil karya sastera ini. Corak persembahannya adalah terus kepada apa yang hendak disampaikan. Misalnya tiada pembuka kata dalam cerpen atau novel seperti dalam prosa tradisional.



Pada awalnya karya sastra dalam masyarakat Melayu klasik hanyalah bertujuan untuk memberi hiburan semata-mata kepada masyarakat. Namun lama-kelamaan, terdapat unsur didaktik yang digarap oleh pengarang untuk dijadikan teladan kepada para pembaca dan masyarakat khususnya. Novel, cerpen dan drama juga mempunyai mesej dan pengajaran yang hendak disampaikan kepada masyarakat selain bertujuan untuk memberi hiburan. Misalnya kesedaran mengenai penjajah, kekayaan alam, adat istiadat, kebudayaan, agama dan sebagainya.

1.5 Skop Kajian

Kajian akan menjurus kepada kefahaman membaca empat jenis prosa tradisional tingkatan satu yang dipetik daripada antologi *Sehijau warna Daun*, iaitu Sastra Jenaka cerita *Lebai Malang* yang bersifat tamak dan sentiasa mengalami nasib malang akibat daripada tindak-tanduknya sendiri. Kedua, Sastra Hikayat cerita *Tujuh Puteri Turun ke Dunia* yang dipetik daripada *Hikayat Malim Deman* yang menyelitikan unsur kemasyarakatan dan nilai kemanusiaan yang dapat diteladani. Ketiga, Sastra Sejarah iaitu cerita *Susur Galur Asal Usul Negeri Melaka* yang mendedahkan pelajar kepada sejarah budaya bangsa. Akhir sekali ialah Sastra Epik cerita *Kisah Keberanian Lima Bersaudara* yang dipetik daripada *Hikayat Hang Tuah*. Cerita ini membawa tema kepahlawanan dan patriotik yang sangat sesuai didedahkan kepada pelajar untuk membentuk semangat patriotisme yang tulen dalam diri pelajar. Pemilihan keempat-empat genre sastra ini dapat membantu pelajar mengetahui tentang keseragaman prosa

tradisional. Penghayatan pelajar terhadap hasil karya itu dapat memupuk jati diri yang kuat dan kukuh bertunjangkan akal budi yang bijaksana.

1.6 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan dan peringkat-peringkat pemahaman membaca bahan komponen sastera (komsas) iaitu prosa tradisional pelajar tingkatan satu di lima buah sekolah menengah di daerah Raub, Pahang Darul makmur.

Tujuan kajian ini adalah untuk:

- 1.6.1 Menilai tahap penguasaan kefahaman membaca dan menentukan peringkat-peringkat kefahaman membaca di kalangan pelajar secara keseluruhan.
- 1.6.2 Menilai tahap penguasaan kefahaman membaca serta menentukan peringkat kefahaman membaca pelajar dengan menggunakan bahan teks yang dikaji iaitu prosa tradisional.
- 1.6.3 Membandingkan tahap penguasaan kefahaman membaca dan menentukan peringkat-peringkat kefahaman membaca di kalangan pelajar berdasarkan pembolehubah-pembolehubah berkaitan iaitu jantina, kaum, pendapatan ibu bapa, kemudahan bahan bacaan, keputusan peringkat UPSR dan tempat tinggal.
- 1.6.4 Membandingkan tahap penguasaan kefahaman membaca di kalangan pelajar dengan pencapaian Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

1.7 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- 1.7.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca (idea /isi /cerita) prosa tradisional di kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan jantina?
- 1.7.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca (idea / isi / cerita) prosa tradisional di kalangan pelajar yang di kaji berdasarkan kaum?
- 1.7.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca (idea / isi / cerita) prosa tradisional di kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan tempat tinggal?
- 1.7.4 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca (idea / isi / cerita) prosa tradisional di kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan keputusan mata pelajaran Bahasa Melayu Pemahaman di peringkat UPSR?
- 1.7.5 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca (idea / isi / cerita) prosa tradisional di kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan kemudahan membaca?
- 1.7.6 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca (idea / isi / cerita) prosa tradisional di kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan pendapatan ibu bapa?
- 1.7.7 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca aspek gaya bahasa di kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan jantina?
- 1.7.8 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca aspek gaya bahasa di kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan kaum?

- 05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi
- 1.7.9 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca aspek gaya bahasa di kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan tempat tinggal?
- 1.7.10 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca aspek gaya bahasa di kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan keputusan mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat UPSR?
- 1.7.11 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca aspek gaya bahasa di kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan kemudahan membaca?
- 1.7.12 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca aspek gaya bahasa di kalangan pelajar yang dikaji berdasarkan pendapatan ibu bapa?
- 1.7.13 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca aspek teknik di kalangan pelajar yang dikaji mengikut jantina?
- 1.7.14 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca aspek teknik di kalangan pelajar yang dikaji mengikut kaum?
- 05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi
- 1.7.15 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca aspek teknik di kalangan pelajar yang dikaji mengikut tempat tinggal?
- 1.7.16 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca aspek teknik di kalangan pelajar yang dikaji mengikut keputusan mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat UPSR?
- 1.7.17 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca aspek teknik sastera di kalangan pelajar yang dikaji mengikut kemudahan bacaan?
- 1.6.18 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman membaca aspek teknik di kalangan pelajar yang dikaji mengikut pendapatan ibu bapa?

1.8 Hipotesis Kajian

Hipotesis merupakan aspek penting dalam penyelidikan sains sosial. Alias Baba (1997), menyatakan hipotesis seperti juga pernyataan masalah yang cuba menyatakan hubungan antara dua pembolehubah. Berdasarkan kajian-kajian yang lepas, enam hipotesis nul telah dibentuk untuk melihat tahap kefahaman membaca prosa tradisional di kalangan pelajar tingkatan satu serta perkaitan dan perbezaan dengan faktor jantina, kaum, tempat tinggal, keputusan Bahasa Melayu UPSR, kemudahan membaca dan pendapatan ibu bapa. Hipotesis yang dibentuk itu ialah:

- 1.7.1 Tidak terdapat perbezaan yang bererti ke atas tahap pencapaian kefahaman membaca idea / isi / cerita prosa tradisional berdasarkan jantina.
- 1.7.2 Tidak terdapat perbezaan yang bererti ke atas tahap pencapaian kefahaman membaca prosa tradisional berdasarkan kaum.
- 1.7.3 Tidak terdapat perbezaan yang bererti ke atas tahap pencapaian kefahaman membaca prosa tradisional berdasarkan tempat tinggal.
- 1.7.4 Tidak terdapat perbezaan yang bererti ke atas tahap pencapaian kefahaman membaca prosa tradisional berdasarkan keputusan Bahasa Melayu UPSR.
- 1.7.5 Tidak terdapat perbezaan yang bererti ke atas tahap pencapaian kefahaman membaca prosa tradisional berdasarkan kemudahan membaca.
- 1.7.6 Terdapat perbezaan yang bererti ke atas tahap pencapaian kefahaman membaca prosa tradisional berdasarkan pendapatan ibu bapa.

1.9 Kepentingan Kajian

Kefahaman dalam bacaan merupakan kemahiran yang sangat penting bagi pelajar. Dengan kefahaman yang baik terhadap perkara yang dibaca membolehkan pelajar bertindak terhadap perkara-perkara berikutnya dengan tepat dan betul. Misalnya dapat menjawab soalan-soalan yang diberi, mengikuti arahan dengan tepat dan dapat mewujudkan sistem pembelajaran yang teratur dan berkualiti. Oleh itu pelajar akan memperoleh kejayaan terhadap apa yang dipelajarinya. Dapatan kajian ini berguna dan dapat memberi maklumat kepada pelbagai pihak seperti sekolah, guru dan pelajar yang terlibat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kepentingan kajian ini dapat dijelaskan seperti berikut:

1.9.1 Sekolah

Kajian ini membolehkan pihak sekolah mengenal pasti tujuan kemahiran membaca perlu dikuasai dan menilai aktiviti bacaan pelajar. Pihak sekolah dapat merancang dan mencadangkan kepada Jabatan Pendidikan Negari (JPN) dan seterusnya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) strategi dan kaedah yang berkesan untuk meningkatkan kefahaman membaca pelajar. Pihak sekolah juga dapat merancang dan melengkapkan kemudahan pengajaran serta meningkatkan keupayaan perpustakaan sebagai gedung ilmu. Kajian ini juga dapat membantu pihak sekolah merancang pelbagai aktiviti membaca yang bersesuaian dengan keupayaan dan latar belakang pelajar bagi mempertingkatkan keupayaan dan kemahiran membaca dan memahami.

Kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu, kajian ini dapat memberikan penjelasan tentang tahap kefahaman membaca pelajarannya. Membaca bukan sekadar pelajar boleh membaca, sebaliknya peringkat kefahaman dalam membaca perlu dikuasai. Melalui maklumat yang diperoleh, guru dapat merangka teknik pengajaran untuk pelajarannya bagi ,meningkatkan kefahaman dalam bacaan daripada pelbagai bahan khususnya bahan komponen sastera.

1.9.3 Pelajar

Para pelajar perlu memanfaatkan kajian ini kerana mereka dapat mengetahui perkara-perkara yang menghalang pencapaian kefahaman dalam bacaan mereka. Kelemahan yang dihadapi seharusnya diperbaiki dan melatih diri menguasai bacaan untuk menjawab soalan-soalan berdasarkan peringkat-peringkat kefahaman yang telah diuji.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada aspek kajian, tempat penyelidikan dijalankan, sampel kajian, alat kajian dan peringkat-peringkat kefahaman membaca yang digunakan berdasarkan hierarki soalan Kefahaman Santoz (1976). Pengelasan kefahaman Santoz dapat dibahagikan kepada enam tahap. Tahap-tahap kefahaman tersebut ialah:

1.10.1 Pengecaman dan pengingatan butiran

Pada tahap ini murid memahami dan berupaya untuk mencari maklumat atau mengingat semula maklumat yang terkandung dalam petikan sebagaimana yang diberikan oleh pengarang. Kegiatan yang dapat murid lakukan pada tahap ini ialah mengingat semula atau mengecam fakta, nama orang, tarikh, definisi, idea pokok yang terdapat dalam petikan (tema), urutan peristiwa (plot) dan arahan yang diberikan.

1.10.2 Terjemahan

Tahap yang memerlukan murid memahami dan berupaya untuk mencari serta menulis semula maklumat yang terdapat dalam petikan dalam bentuk yang lain tanpa mengubah maksud asal. Umpamanya menulis maksud frasa, ayat, atau perkataan tertentu.

1.10.3 Aplikasi

Tahap ini memerlukan peringkat pemikiran yang agak tinggi. Tahap ini melibatkan kebolehan mengingat semula pengalaman, kemahiran yang telah dipelajari atau yang diketahui dan saat bila pengalaman itu mahu digunakan dengan berjaya, menggunakan pengetahuan lalu bagi menyelesaikan masalah, dan menggunakan maklumat yang terdapat dalam petikan untuk digunakan dalam keadaan baru dan meramalkan kesan tertentu.

1.10.4 Analisis

Tahap yang memerlukan murid memahami dan berupaya untuk mengenal atau menyemak bahagian tertentu sesuatu komponen. Kegiatan yang dapat dilakukan pada tahap ini ialah menentukan andaian, generalisasi, fakta, propaganda, membuat inferens, rumusan, ramalan berdasar bukti yang ada.

1.10.5 Sintesis

Pada tahap ini murid berupaya membuat integrasi, menyusun semula dan menyepadukan idea-idea daripada bahan bacaan. Antara kegiatan yang dapat dilakukan ialah menyusun satu set idea dalam perenggan dan memberi tajuk yang berlainan untuk sesuatu bahan bacaan dan menghubungkan pengalaman sendiri dengan bahan yang dibaca dan soalan yang dikemukakan.

1.10.6 Penilaian

Tahap yang tertinggi dalam pengelasan kefahaman. Pada peringkat ini murid harus berupaya mengadakan satu standard atau kriteria bagi menilai sesuatu idea dan murid digalakkan memberi pendapat. Kegiatan pada peringkat ini ialah menilai dan mengkritik, membuktikan kebenaran atau kepalsuan dan menentukan idea itu penting atau tidak.

Aspek kajian berkisar mengenai kefahaman membaca pelajar dengan menggunakan bahan bacaan yang ditetapkan. Terdapat empat buah cerita prosa tradisional yang dipetik daripada antologi *Sehijau Warna Daun* tingkatan satu, Teks ini

telah dijadikan bahan untuk soalan pemahaman sama ada peringkat pertengahan tahun, akhir tahun dan ujian bulanan. Teks ini begitu penting untuk dipelajari dan difahami oleh pelajar-pelajar kerana akan diuji dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Masalah yang timbul ialah kebanyakan pelajar khususnya pelajar bukan Melayu menghadapi kesukaran menjawab soalan kefahaman teks prosa tradisional. Oleh yang demikian pemilihan empat teks ini bersesuaian dalam kajian yang dijalankan. Semua sampel dikehendaki membaca dan menjawab soalan-soalan dalam bentuk aneka pilihan bagi keempat-empat teks yang diberikan. Soalan-soalan yang dikemukakan memerlukan pilihan jawapan yang tepat dan menepati skema jawapan yang telah ditetapkan. Bagi kajian ini jawapan dalam skema pilihan objektif sama ada A,B,C atau D.

Sepuluh soalan pemahaman bagi setiap teks disediakan bagi mengukur pemahaman bacaan pelajar berdasarkan peringkat-peringkat kefahaman membaca Santoz (1976). Soalan-soalan yang dibina berkaitan teks prosa tradisional telah mendapat kesahan mengikut peringkat-peringkat kefahaman membaca yang dikemukakan oleh Santoz (1976). Soalan-soalan yang dibina mengikut aras Taksonomi Santoz (1976) juga telah disemak dan ditanda tangan oleh pensyarah penyelia, ketua panitia Bahasa Melayu dan ketua bidang di sekolah berkaitan dan juga ketua pemeriksa mata pelajaran Bahasa Melayu Penilaian Menengah Rendah (PMR) peringkat kebangsaan.

Sampel yang dikaji juga dikehendaki menjawab soalan soal selidik berkaitan latar belakang diri iaitu jantina, bangsa, tempat tinggal, keputusan Bahasa Melayu dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), kemudahan membaca, pendapatan ibu bapa, dan 40 soalan kefahaman daripada empat teks prosa tradisional yang diberikan.

Kajian ini menggunakan sampel pelajar tingkatan satu dari lima buah sekolah dalam daerah Raub. Bilangan semua sampel ialah seramai 200 orang yang dipilih secara rawak. Lima buah sekolah tersebut ialah SMK Tengku Kudin, SMK Dato'Shahbandar Hussein, SMK Dong , SMK Chung Ching dan SMK(LKTP) Tersang. Kesemua sekolah terletak dalam pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah Raub, Pahang Darul Makmur.

1.11 Definisi Operasional

Bagi menjelaskan kajian ini, definisi berkaitan dengan kefahaman, membaca, kefahaman membaca dan pengkelasan tahap kefahaman membaca akan diperincikan.

1.11.1 Kefahaman

Dalam konteks kajian ini, kefahaman merupakan keupayaan seseorang memahami perkara yang dibaca. Abdul Aziz Abdul Talib (1993), menjelaskan kefahaman adalah aspek yang paling penting dalam membaca. Kefahaman dimaksudkan memahami pemikiran penulis, memahami bahan bertulis atau menyebut maklumat daripada teks. Marohani Yusoff (1999) pula memberi maksud kefahaman sebagai keupayaan menubuhkan, mentafsirkan dan menilai sesuatu berkaitan dengan perkara atau apa-apa yang dibaca. Kefahaman merupakan suatu proses mendapatkan makna daripada komunikasi sama ada melalui lisan, tulisan atau penggunaan lambang-lambang yang tertentu.

Menurut Frank Smith (1978), bacaan kadang-kadang memberi makna 'kefahaman' dan kadang-kadang tidak. Ini dapat dibuktikan apabila kita memberi sebuah buku kepada rakan untuk dibaca. Jika buku itu sudah dibaca tetapi tidak faham dan membacanya sekali lagi. Keadaan ini menggambarkan bacaan memberi maksud kefahaman, iaitu membaca untuk memahamkan isi buku tersebut. Oleh itu, kefahaman merupakan satu pelengkap yang penting perlakuan membaca. Tanpa memahami apa yang yang dibaca, sesuatu perlakuan membaca itu tidak lengkap dan tidak boleh dikenali sebagai perlakuan membaca. Jelasnya, dapatlah dikatakan bahawa bacaan ialah kefahaman.

1.11.2 Membaca

Frank Smith (1978), menyatakan proses membaca dianggap sebagai proses komunikasi kerana dengan perlakuan membaca, berlaku pertukaran idea antara pengarang dengan pembaca. Seseorang itu tidak dikatakan membaca sekiranya dia gagal mendapatkan mesej atau apa-apa yang hendak disampaikan oleh pengarang dalam penulisnya. Marohaini Yusoff (1999) yang memetik pendapat Harris dan Sipay menyifatkan proses membaca sebagai proses untuk memperoleh tafsiran yang bermakna tentang lambang-lambang bercetak atau bertulis.

Pendapat Goodman (1970) tentang membaca pula menyatakan membaca ialah proses seseorang itu membina semula mesej yang dienkod oleh penulis dalam bahasa yang bertulis. Ini merupakan satu proses bahasa yang aktif dan amat bergantung kepada ramalan. Ramalan yang dimaksudkan itu ialah pembaca sentiasa cuba menyusun semula

maklumat yang hendak disampaikan oleh penulis mengikut apa yang dibaca dan difahami. Dalam hal ini, Goodman seterusnya menjelaskan bahawa membaca dipengaruhi oleh faktor-faktor yang melibatkan kewibawaan bahasa lisan, seperti sistem sintaksis, semantik dan fonologi. Daripada kenyataan yang diberikan dapatlah dirumuskan bahawa membaca bukan sekadar menyebut patah-patah perkataan tetapi memahami makna dan maksud tentang apa yang dituturkan.

1.11.3 Kefahaman Membaca Khusus

Kefahaman membaca merupakan kebolehan atau kemampuan seseorang memahami bahan yang dibaca dan dapat menerangkan serta menyimpulkan semula apa yang telah dibacanya itu. Frank Smith (1978), pula mendefinisikan kefahaman membaca sebagai memahami apa yang dibaca serta dikuatkan dengan faktor-faktor pengetahuan sedia ada yang turut sama berperanan dalam kefahaman membaca seseorang. Siti Hajar Abdul Aziz (1998), yang memetik pendapat Davis menyebut bahawa kefahaman membaca ialah kebolehan memahami bahan yang dibaca secara senyap bergantung kepada sebahagian besarnya pengetahuan pembaca tentang makna perkataan dan kebolehan membuat taakulan secara lisan atau tulisan.

Dalam konteks ini, bacaan dan kefahaman adalah proses yang kompleks yang melibatkan berbagai-bagai faktor seperti rupa bentuk teks, keperluan dan bidang yang diliputinya serta ciri-ciri pembaca itu sendiri. Pembaca-pembaca yang mahir memberi perhatian kepada faktor-faktor ini dan menyesuaikan dengan pembacaan mereka. Mereka juga dapat menyesuaikan strategi-strategi dengan bentuk-bentuk teks tertentu.

Pembacaan untuk peperiksaan misalnya adalah berbeza daripada pembacaan untuk memenuhi masa lapang.

1.11.4 Kefahaman Membaca Karya Sastera Klasik

Sering disebut bahawa matlamat pembacaan karya sastera ialah penghayatan. Justeru guru sastera perlu terlebih dahulu berupaya menghayati karya sastera sebelum melaksanakan pengajaran agar para pelajar dapat menghayatinya. Pada amnya karya sastera terbahagi kepada dua kategori, iaitu karya sastera klasik dan karya sastera moden. Dalam kesusasteraan Melayu, kebanyakan karya klasik ialah karya lisan, yang terdiri daripada hikayat, pantun, syair dan sebagainya. Kesukaran memahami aspek-aspek karya adalah halangan utama proses penghayatan. Kajian yang dijalankan oleh Squire (1964) menunjukkan sambutan seorang dewasa terhadap karya sastera banyak tertakluk kepada mutu cerita dan bahasa karya tersebut. Jika bahasanya sukar difahami dan ceritanya tidak menarik, pembaca tidak akan dapat menangkap isi cerita kerana dihalang oleh beberapa patah perkataan atau bentuk ayat yang sukar difahami.

Dalam prosa klasik terkandung unsur-unsur dan nilai warisan budaya masyarakat Melayu yang telah berkembang dan dikekalkan sehingga ke hari ini. Namun apa yang berlaku sekarang ini kelihatan seolah-olah penulisan buku teks sastera klasik sudah kurang menampilkan matlamatnya. Kesannya tinggalah pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu klasik dalam keadaan teraba-raba mencari satu pegangan dan pendekatan yang boleh memancarkan semula minat kecenderungan pelajar mempelajari sastera klasik. Masalah pengajaran sastera di sekolah menengah kini adalah kerana

kesusasteraan Melayu klasik kurang diberi tumpuan malah tidak pun diajar atau didedahkan secara formal kepada pelajar di peringkat sekolah rendah. Kalau adapun buku-buku sastera klasik yang dicadangkan untuk bacaan tambahan pelajar sudah tidak sepenuhnya bersifat klasik. Hanya klasik dari segi isi ceritanya tetapi unsur-unsur lain sudah banyak dipinda terutamanya di segi gaya bahasa. Bahasa klasik daripada teks asal telah diubah dengan menggunakan gaya bahasa moden.

1.11.5 Pengelasan Tahap Kefahaman Membaca

Dalam kefahaman membaca terdapat beberapa taksonomi yang mengelaskan tahap-tahap keupayaan memahami bahan bacaan seseorang pembaca. Antaranya ialah Taksonomi Bloom(1957), Taksonomi Frank Smith (1969), Taksonomi Barrett (1972), Taksonomi Santoz (1976) dan Taksonomi Lamberg & Lamb (1980). Dalam kajian ini, peringkat-peringkat kefahaman Taksonomi Santoz (1976) akan digunakan untuk menilai tahap kefahaman membaca pelajar yang dikaji. Pengelasan kefahaman Taksonomi Santoz (1976) terbahagi kepada enam peringkat kefahaman membaca. Peringkat-peringkat tersebut telah dijelaskan dalam bahagian batasan kajian terdahulu. (halaman, 22).

Berdasarkan peringkat kefahaman membaca di atas, terdapat beberapa ciri-ciri yang boleh diketengahkan. Antaranya peringkat Kefahaman Santoz (1976) mempunyai enam peringkat kefahaman dalam bacaan yang tiap-tiap peringkat disusun mengikut hierarki yang tertentu, iaitu daripada peringkat mudah, sederhana dan sukar. Umpamanya sebelum seseorang murid dapat mencapai kefahaman pada tahap terjemahan, dia perlu dapat mencari dan mengecam butiran terlebih dahulu. Sebelum seseorang murid dapat

menggunakan (aplikasi) butiran dalam petikan dalam keadaan berlainan dia terlebih dahulu perlu mencari dan mengecam butiran. Tiap-tiap peringkat saling berkaitan antara satu sama lain. Tiap-tiap tahap memerlukan kebolehan atau kemahiran tertentu. Umpamanya, pada tahap mengecam atau mengingati butiran, murid dapat mencari isi atau maklumat daripada bahan yang dibaca. Manakala pada peringkat terjemahan pula, pelajar bukan sahaja dapat mencari butiran tetapi juga menterjemahkan dengan menggunakan perkataan sendiri. Semakin tinggi tahap kefahaman yang digunakan oleh pembaca, semakin menampakkan kematangan dan keupayaannya dalam kefahaman membaca.

1.12 Kesimpulannya

Berdasarkan taksonomi atau sistem klasifikasi yang diperkenalkan oleh Santoz(1976), dapatlah dirumuskan bahawa peringkat kefahaman membaca dibahagikan kepada tiga peringkat utama, iaitu:

1.12.1 Peringkat Kefahaman Rendah

Kebolehan memahami maksud tersurat. Pembaca mampu menjawab soalan yang menyatakan tentang apakah, siapakah, bilakah, di manakah dan ceritakan. Jawapan hanya terbatas terhadap teks yang dibaca sahaja.

1.12.2 Peringkat Kefahaman Sederhana

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

Kebolehan pembaca membuat interpretasi. Kemampuan membuat tafsiran, membanding, membeza dan menganalisis bahan yang dibaca. Pembaca mampu menjawab soalan yang bertanyakan mengapakah, bagaimanakah, jelaskan atau terangkan serta menyatakan pendapat.

1.12.3 Peringkat Kefahaman Tinggi

Membolehkan pembaca menghakimi dan menilai sesuatu (sama ada maklumat, idea, pendapat, pandangan dan sebagainya) dan menghasilkan idea atau pandangan baru tentang sesuatu yang telah dibaca dan difahami. Ini dapat memperlihatkan pemikiran yang matang, kritis dan kreatif pembaca.

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi